



Anwar ketika melawat gerai pameran selepas merasmikan Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa MPOB 2023 (PIPOC 2023) di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

Anwar ikrar bawa suara Palestin ke pentas APEC

Malaysia tidak berganjak pertahankan keadilan, sokong perjuangan hak penduduk Gaza

zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan menggunakan pentas sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dijadualkan di San Francisco, California, Amerika Syarikat (AS), minggu depan, untuk membawa isu Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Malaysia akan menjalankan tanggungjawabnya sebagai negara Islam dengan sebaik mungkin bagi menyuarakan isu Palestin di persidangan APEC.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau terlebih dulu akan mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak mengenai perkembangan berkaitan isu itu.

"Kita akan bincangkan dengan

beberapa teman dan kita akan jalankan tanggungjawab kita sebaik mungkin," katanya kepada media selepas merasmikan Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) 2023 (PIPOC 2023) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau akan menggunakan pentas APEC bagi menyuarakan penderitaan dialami rakyat Palestin sejak bermulanya Perang Israel-Hamas pada 7 Oktober lalu.

PIPOC 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sejak kelmarin hingga hari ini menghimpunkan lebih 100 penceramah serta sekitar 2,000 peserta dari seluruh dunia.

PIPOC 2023 menjadi platform perkongsian pandangan, trend ekonomi dan pertukaran teknologi terkini dalam industri sawit selain mengetengahkan lebih 400 pempamer daripada pemain industri itu.

Kelmarin, Perdana Menteri mengesahkan, beliau akan menghadiri APEC minggu depan walaupun ada desakan supaya tidak menghadiri persidangan itu.

Perdana Menteri berkata, beliau perlu menghadiri persidangan itu bagi menjaga hubungan dip-

lomatik, keamanan dan ekonomi, namun kekal tidak berganjak dalam mempertahankan keadilan dan menyokong perjuangan hak rakyat Palestin.

APEC adalah forum ekonomi serantau yang ditubuhkan pada 1989 untuk memanfaatkan saling kebergantungan yang semakin meningkat di Asia-Pasifik, yang mana tahun ini, ia akan bersidang di San Francisco bermula 11 hingga 17 November ini.

Sehingga kelmarin, lebih 10,022 penduduk Palestin orang terbunuh di Gaza, dengan 4,104 daripadanya kanak-kanak akibat serangan dilancarkan tentera Israel.

Sejak bermula Perang Israel-Hamas pada 7 Oktober lalu, Malaysia dan Anwar menjadi antara yang paling lantang mengkritik Israel kerana enggan menghentikan serangan ke atas Gaza dan dunia yang berdiam diri menyaksikan kekejaman melampau terhadap penduduk Palestin.

Anwar dilaporkan berkata, Malaysia kekal bersolidariti dengan perjuangan rakyat Palestin, walaupun masyarakat antarabangsa berterusan mengambil tindakan berat sebelah terkait segala bentuk kekejaman dan penindasan kepada rakyat Palestin.